

NO. SOALAN: 64

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]**

**TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meminda Akta Mahkamah Syariah 1965 (Akta 355) demi memperkuatkan lagi peranan Mahkamah Syariah agar setanding dengan Mahkamah Sivil serta memberi laluan kepada pelaksanaan hukum-hukum Islam yang lebih bertepatan dengan al Quran dan al Hadith.

**JAWAPAN:** (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan menyedari had bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah terhad kepada hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-

apa gabungan hukuman-hukuman tersebut berdasarkan seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

Dalam hal ini, Kerajaan telah selesai meneliti cadangan pindaan untuk meningkatkan had bidang kuasa melalui pindaan kepada Akta 355. Menerusi pindaan yang dicadangkan, had bidang kuasa Mahkamah Syariah akan diperluaskan dan dipertingkatkan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan terus berusaha untuk memartabatkan pelaksanaan undang-undang Islam ini dengan menaik taraf sistem kehakiman Syariah di negara ini juga. Mahkamah Syariah akan dinaik taraf daripada tiga (3) peringkat mahkamah kepada lima (5) peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah juga akan disemak semula dan dinaik taraf.

Ini menunjukkan bahawa Kerajaan mengambil **pendekatan secara bertahap** bagi melaksanakan undang-undang Syariah yang bertepatan dengan al Quran dan al Hadith termasuklah memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Sekian, terima kasih.